

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN  
POLISI

PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

ABDUL JALIL BIN MOHAMED ALI

**KETUA UNIT KUALITI :**

THENMOLLI A/P VADEVELOO

**PENYELARAS :**

**PENULIS :**

1. NASYRAH BINTI AHMAD
2. THENMOLLI A/P VADEVELOO
3. SAIDAH HAMIZAH AHMAD
4. SITI NUR FATHANAH BINTI ABD HAMID
5. SHAWAL BIN SAHID HAMID@HUSSAIN
6. FARHATUL MUSTAMIRRAH BINTI MAHAMAD AZIZ
7. MOHAMMAD BASTYIAN BIN MAHMUD



8. RADDUAN BIN YUSOF
9. NOR SYAMALIAH BINTI NGAH
10. NOR AZIRA BINTI AYOB
11. NOR ZAKIAHANIM BINTI ZAKARIA
12. SUZEI BINTI MAT NURUDIN @ NORDIN
13. ASMIDAR BINTI LOKMAN
14. NORRAIDAH BINTI ABU HASAN
15. NURUL AKMA BINTI KAMARUDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) berpangkalan di Shah Alam dan Seremban yang diketuai oleh barisan pengurusan yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Hal Ehwal pelajar, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, dan Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti & Rangkaian Alumni (*RICAEN*). FSPPP telah melalui satu transformasi yang besar di dalam kepimpinannya apabila pada 2014 kampus seremban telah diwujudkan di bawah *Private Finance Initiatives* (FPI) yang menggabungkan staf FSPPP daripada kampus yang berbeza. Perkara ini memberi cabaran baru kepada kepimpinan fakulti daripada aspek operasi. Namun, ianya juga memberi kebaikan daripada aspek penyelidikan dan penerbitan di mana gabungan kepakaran daripada kampus berbeza dapat diselaraskan, dan penglibatan bersama di dalam inovasi dapat diperaktikan.

#### **Pelaksanaan**

Fakulti sentiasa memastikan segala tugas berjalan dengan lancar. Demi mencapai kejayaan dari segi penyelidikan dan penerbitan pelbagai inisiatif ditikberatkan oleh barisan kepimpinan. Setiap garis panduan yang dipatuhi oleh barisan keimpinan adalah bagi memastikan sasaran fakulti dapat dicapai dan memenuhi aspirasi UiTM.

#### **Pemantauan**

Pihak fakulti sentiasa memastikan garis panduan yang diguna pakai dalam usaha mempertingkat dan menambahbaik secara berterusan dalam mengekalkan kualiti perkhidmatan dan budaya kerja jabatan barisan kepimpinan. Kepimpinan yang berkaliber menjadi tunggak utama dalam memastikan pencapaian fakulti dalam pelbagai bidang demi melonjakkan UiTM ke aras yang lebih tinggi. FSPPP juga sentiasa menyokong peningkatan kerjaya para staf sentiasa dipantau oleh barisan kepimpinan demi mencapai kemajuan staf khususnya staf akademik.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Penambahbaikan dari segi proses pengajaran dan pembelajaran menjadi elemen utama barisan kepimpinan FSPPP dan sentiasa menyediakan dan menambahbaik kemudahan bagi tujuan penyelidikan dan penerbitan kepada warga fakulti. FSPPP juga peka terhadap segala masalah yang dihadapi oleh warga fakulti dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dengan mengambil inisiatif-inisiatif baru dalam menangani masalah yang dihadapi.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan kanan FSPPP yang diketuai oleh Dekan Prof Dr Jasmine Ahmad (2019) dan Prof Madya Dr Abdul Jalil Mohamed Ali (2020) telah membina strategi yang kukuh untuk membangunkan bidang penyelidikan dan penerbitan fakulti dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif-inisiatif yang signifikan selaras dengan misi dan visi UiTM secara keseluruhannya. Strategi penyelidikan dan penerbitan ini juga telah dinyatakan secara bertulis di dalam objektif kualiti nombor 3 dan 4 fakulti seperti berikut iaitu (Rujuk Bukti 1 & 2):

**Objektif 3:** Memastikan kecemerlangan kesarjanaan akademia melalui:

- a) Memastikan 10 penyelidikan baru berdaftar setiap tahun.
- b) Memastikan 51 penerbitan yang didaftarkan di PRISMA setiap tahun.
- c) Bilangan geran penyelidikan mencapai RM600,000 setiap tahun.

**Objektif 4:** Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dan pengkomersilan / inovasi melalui:

- a) Mengadakan sekurang-kurangnya 1 program inovasi setiap tahun.
- b) Memperolehi sekurang kurangnya 15 pingat dalam mana-mana pertandingan inovasi setiap tahun.
- c) Memperolehi kadar kebolehpasaran siswazah melebihi :
  - 80% (Sarjana Muda)
  - 95% (Diploma)Bekerja sendiri:
  - 3.1% (Tahun 2017)
  - 4.0% menjelang 2020

1. FSPPP Quality Objectives (2020 – 2025)

<https://fsppp.uitm.edu.my/index.php/about-us/educational-objectives-quality-policy>

2. Manual Kualiti FSPPP (No. Dokumen: MK.UiT.M.FSPPP.01)

<https://drive.google.com/file/d/1LiS3gYra39OUdc5wYEEjfOmL4ztG-Hv/view?usp=sharing>

### **SENARAI BUKTI:**

1. [10.Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 1-2019 \(1\).pdf](https://drive.google.com/file/d/1MjJyfXWzIwzqQHdVnC9BZPjOOGFkUuA/view?usp=sharing)

2. [11. Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 1- 2020.pdf](https://drive.google.com/file/d/1MjJyfXWzIwzqQHdVnC9BZPjOOGFkUuA/view?usp=sharing)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **INISIATIF PENGURUSAN KANAN FSPPP DALAM MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN dan PENERBITAN**

Pengurusan kanan FSPPP sentiasa memberi sokongan kepada setiap usaha penyelidikan dan penerbitan. Bagi memastikan pencapaian objektif, pihak pengurusan yang diketuai oleh Dekan akan memantau dan memberi nasihat kepada kesemua penasihat program dari masa ke semasa. Pelaksanaan projek ini juga dapat dilakukan dengan jayanya kerana pembudayaan kerja berpasukan, kemudahan infrastruktur yang mantap dan padu dan juga penglibatan dari pihak luar yang meberangsangkan sama ada dalam bentuk sumbangan kewangan atau tenaga kerja. Sokongan dari pihak pengurusan dari sudut penglibatan staf dari semua lapisan jawatan (*teamwork*). Berikut merupakan inisiatif dan amalan-amalan yang dilakukan oleh fakulti bagi meningkatkan penyelidikan dan penerbitan:

1. Mengiktiraf keupayaan staf FSPPP melalui reward dan memberi peluang kepada staf mengaplikasikan kepakaran mereka dalam meningkatkan penglibatan di dalam penerbitan dan penyelidikan
  - [Senarai Geran Penyelidikan FSPPP](#)
  - [Senarai pemenang inovasi Gold](#)
2. Memeterai [perjanjian MOU dan MOA](#) dengan industri dan institusi Pendidikan luar dan dalam negara bagi meningkatkan pengkomersilan FSPPP dan universiti amnya.
3. Budaya kerja berpasukan yang boleh meningkatkan lagi hasil kerja melalui penggabungan kepakaran, kebolehan dan pengalaman melalui tawaran geran penyelidikan kolaborasi FSPPP (FRCG) dan geran penyelidikan dalaman FSPPP (FIRG) – Rujuk Bukti 1 & 2
4. Menyediakan infrastruktur dan infostruktur termasuk pengagihan kewangan yang mencukupi untuk membantu staf menjayakan aktiviti penerbitan dan penyelidikan.
5. Mewujudkan budaya *continuous learning* yang berterusan dalam kalangan staf dengan menggalakkan staf untuk menghadiri seminar, konferensi ,latihan dan melibatkan diri dalam pertandingan dan aktiviti penyelidikan dan penerbitan
  - [Senarai Sejarah Latihan Staf Pentadbiran & Staf Akademik FSPPP \(2020\) \(staff portal & e-latihan UiTM\)](#) -
  - <https://expert.uitm.edu.my/expert.php?#>
6. Menganjurkan [konferensi dan pertandingan inovasi](#) di peringkat antarabangsa yang melibatkan staf FSPPP yang merangkumi aspek penyelidikan dan penerbitan ([Committee report](#))
7. Memastikan jurnal fakulti dikemaskini secara berterusan dan menaiktaraf status jurnal di dalam citation index
  - [Journal of Administrative Science – UiTM](#)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1 GARIS PANDUAN FIRG 2020 \(1\).pdf](#)
2. [1 GARIS PANDUAN FRCG 2020.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik; bidang penyelidikan dan penerbitan perlu sama ditekankan oleh seluruh warga Universiti. Sejajar dengan agenda UiTM, FSPPP juga bersama-sama menggalas tanggungjawab ini dalam melonjak kecemerlangan fakulti dan Universiti. Bagi memastikan kelestarian dan kecemerlangan FSPPP, serta memastikan cabaran dan halangan dapat diatasi dengan berkesan; beberapa strategi pemantauan telah diambil dan dilaksanakan oleh kepimpinan dan pengurusan fakulti. Antara strategi pemantauan yang berkesan yang telah dilaksanakan di peringkat fakulti adalah:

**1. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan :** Mesyuarat ini diadakan sekali setahun bagi melihat semula dan membincangkan kesemua pencapaian Objektif Kualiti FSPPP. Platform ini sangat penting kerana jika ada inisiatif strategik yang tidak tercapai misalnya, Dekan bersama-sama pengurusan kanan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan kebolehcapaian sesuatu objektif.

**2. Mesyuarat Pengurusan :** Mesyuarat ini merupakan platform bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan FSPPP dimana ahli mesyuarat dapat memberikan maklumat berkaitan program, membentangkan kertas kerja program, membuat lantikan JK, memberi maklumbalas berkaitan program dan lain-lain. Mesyuarat ini dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam masa satu bulan dan turut meluluskan program-program berkaitan dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak fakulti.

**3. Sistem e-Aduan :** merupakan salah satu kaedah penambahbaikan yang dibuat oleh fakulti. Aduan boleh dibuat oleh staf melalui laman sesawang fakulti. Sistem ini dipantau oleh Koordinator Korporat dan aduan-aduan akan dibentangkan semasa MKSP.

**4. Mesyuarat Akademik (Awal Semester):** Mesyuarat yang dilaksanakan pada awal semester ini dipengerusikan oleh Dekan FSPPP. Selain untuk membincangkan aspek-aspek pembelajaran seperti pelaksanaan sesi kuliah, penetapan Amanah Tugas Pensyarah (ATP), isu dan cabaran semasa, mesyuarat ini merupakan platform penting bagi pihak pengurusan untuk menyampaikan dan memberi maklum balas tentang pencapaian PI dan pelaksanaan inisiatif strategik fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Kepimpinan dan pengurusan FSPPP sentiasa memastikan pengurusan risiko terhadap aspek penyelidikan dan penerbitan diberikan perhatian yang mendalam. Dokumen Profil Pengurusan Risiko FSPPP menerangkan objektif, carta organisasi, peranan dan tanggungjawab, terma dan definisi, rekod pengurusan risiko serta menyenaraikan borang-borang yang berkaitan dengan pengurusan risiko yang diperlukan bagi menjalankan pengurusan risiko termasuklah dalam aspek penyelidikan dan penerbitan.

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dapat dijalankan dengan jayanya diperingkat fakulti, kesemua warga FSPPP memainkan peranan penting dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Walaubagaimanpun tidak dapat dinafikan dalam proses menjayakan sesuatu perkara, terdapat cabaran yang harus ditempuh. Sebagai contoh dalam keadaan negara yang sedang dilanda pandemik COVID-19, pelbagai inisiatif telah diketengahkan oleh pihak pengurusan fakulti demi memastikan keupayaan fakulti untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ini kerana Dasar Bekerja dari Rumah yang dilaksanakan oleh pihak Universiti boleh memberi kesan terhadap penglibatan pensyarah didalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [FSPPP Risk Management Profile.pdf](#)
2. [Ringkasan Analisa Kesinambungan Operasi - Disember 2020.pdf](#)

#### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pihak fakulti telah merancang untuk menambahbaik proses kerja bidang penyelidikan dan penerbitan fakulti bagi mencapai objektif/KPI/sasaran seperti dibawah:

- i. Menghebahkan kepada staf fakulti berkenaan peluang untuk sama terlibat dalam apa jua bentuk penyelidikan dan penerbitan didalam dan luar fakulti.
- ii. Merancang dan memperkuuhkan kerjasama dua hala bersama organisasi terpilih diperingkat kebangsaan dan antarabangsa di masa hadapan.
- iii. Mempelbagaikan program untuk mengukuhkan usahasama yang terjalin melalui MoU dan MoA di masa hadapan bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan dan penerbitan diperingkat fakulti.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Dalam merancang hala tuju dan pembangunan FSPPP, kepimpinan dan pengurusan FSPPP sentiasa berpandukan kepada hala tuju institusi pengajian tinggi dalam negara serta hala tuju UiTM seperti mana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Pelan strategik UiTM bagi tempoh 5 tahun ini merupakan garis panduan utama dalam penyediaan Perancangan Strategik FSPPP. Integrasi Pelan Strategik UiTM dan Fakulti sangat ditekankan bagi memastikan FSPPP berkembang seiring dengan visi, misi dan objektif universiti. Walau bagaimanapun, objektif kualiti fakulti sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan dan penekanan utama UiTM. Objektif kualiti fakulti yang ditambah baik akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan Fakulti (MKSP) bagi membincangkan kesesuaian pelaksanaan dan untuk mendapat maklum balas daripada Pengurusan Kanan fakulti.

Objektif kualiti fakulti yang telah ditetapkan di war-warkan kepada semua warga fakulti dalam Mesyuarat Akademik Fakulti yang diadakan sebanyak dua kali dalam satu semester. Ianya bertujuan memberi pemakluman kepada semua warga untuk sama-sama membantu menyumbang dalam mencapai objektif kualiti fakulti ini. Seterusnya, pencapaian objektif kualiti fakulti juga turut dibentangkan kepada semua warga bagi mendapat maklumbalas untuk penambahbaikan fakulti dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, warga fakulti juga sentiasa didedahkan dengan matlamat utama UiTM dan fakulti sepetimana yang dinyatakan dalam pelan strategik masing-masing. Hal ini dapat memupuk kebersamaan dalam kalangan warga dalam memastikan fakulti sentiasa membangun dengan produktif, berdaya saing dan menuju kecemerlangan dalam dan luar negara.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [fsppp\\_quality\\_objectives.pdf](#)
2. [Slaid\\_Mesyuarat Perancangan Strategik.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Dokumen pelan Perancangan Strategik telah dirangka bagi tujuan menetapkan halatuju yang hendak dicapai di masa akan datang. Diperingkat fakulti, perancangan dibuat secara inklusif dimana peranan dan tanggungjawab semua pihak diambil kira bagi memastikan FSPPP dapat memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan manusia yang berilmu yang boleh memberi sumbangan kepada negara. Agenda yang dirancang juga sejajar dengan Visi dan Misi UiTM seterusnya memenuhi keperluan matlamat Pendidikan negara. FSPPP telah merangka Perancangan Strategik FSPPP 2016-2020 yang menjadi teras utama untuk mencapai halatuju yang disasarkan. Bagi tujuan ini beberapa siri bengkel dan mesyuarat yang telah melibatkan Pengurusan Kanan fakulti telah diadakan bagi merangka intipati Perancangan Strategik yang akan dilaksanakan.

#### **Pelaksanaan**

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan ahli jawatankuasanya telah melaksana pelbagai bentuk inisiatif strategik bagi memperkuuh bidang penyelidikan dan penerbitan fakulti. Pengajuran seminar/webinar dan bengkel berkaitan penyelidikan dan penerbitan yang melibatkan penceramah luar dan dalam fakulti, mempromosi Jurnal Administrative Science, mencari peluang mendapatkan geran luar menerusi kerjasama strategik adalah diantara merupakan inisiatif utama fakulti bagi menggerakkan bidang tumpuan ini.

#### **Pemantauan**

Pengurusan Kanan FSPPP telah mengenalpasti mekanisme tertentu seperti Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan audit dalaman untuk memantau setiap inisiatif strategik yang sedang dilaksanakan. Pemantauan secara berkala dan berterusan amat penting untuk mengenalpasti masalah-masalah yang timbul dan mengurangkan risiko sedia ada bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai.

#### **Tindakan penambahbaikan**

Bagi meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan, FSPPP telah mengambil tindakan sewajarnya setiap maklum balas dan aduan yang diterima daripada staf, pelajar mahu pun pihak luar yang berkepentingan. Sebagai contoh, Objektif Kualiti FSPPP telah disemak semula pada tahun 2020 untuk pelaksanaan jangka masa pendek bagi memenuhi kehendak dan situasi semasa fakulti dan universiti.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Proses penetapan halatuju fakulti telah dibentuk berpandukan kepada Rancangan Malaysia ke Sebelas dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 untuk memastikan segala dasar, polisi dan strategi yang dilaksanakan selaras dengan inisiatif strategik yang dijalankan. Bagi memastikan halatuju yang betul selari dengan matlamat pendidikan negara dan UiTM secara keseluruhan, FSPPP telah merangka Perancangan Strategik FSPPP 2016-2020 yang menjadi teras utama dalam mencapai misi dan visi UiTM amnya. Bertepatan dengan usaha ini, Objektif Kualiti 2016-2020 FSPPP telah dibangunkan bagi melaksana inisiatif strategik fakulti. Berikut adalah Objektif Kualiti FSPPP 2016-2020 yang memberi penumpuan kepada bidang tumpuan pilihan iaitu penyelidikan dan penerbitan:

Objektif Kualiti 1: Memastikan 10 penyelidikan bari berdaftar setiap tahun

Objektif Kualiti 2: Memastikan 51 penerbitan yang diadakan didaftarkan di PRISMA setiap tahun

Objektif Kualiti 3: Bilangan geran penyelidikan mencapai RM600,000 setiap tahun

Objektif Kualiti 4: Mengadakan sekurang-kurangnya 1 program inovasi setiap tahun

Objektif Kualiti 5: Memperolehi sekurang-kurangnya 15 pingat dalam mana-mana pertandingan inovasi setiap tahun

Pada tahun 2020, keseluruhan prestasi Objektif Kualiti 2016 - 2020 telah melalui proses penambahbaikan berterusan (Rujuk bukti 2). Apabila sasaran berjaya dicapai maka pindaan dibuat. Pindaan terkini Objektif Kualiti FSPPP adalah pada 2020. (Rujuk bukti 3 &4)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [FSPPP Strategic Plan 2016-2020-compressed.pdf](#)
- 2.
3. [FSPPP QUALITY OBJECTIVES 2020-2025.pdf](#)
4. [11. Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 1- 2020.pdf](#)

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Perancangan Strategik FSPPP telah dirangka pada tahun 2015 dan telah dikaji semula pada tahun 2020 melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Perancangan jangka panjang 5 tahun ini disinergikan dengan keperluan pihak berkepentingan, iaitu pelajar, staf, badan pemerintahan UiTM, pemerintah, industri dan komuniti perniagaan. Pemantauan dan rancangan tindakan disebarluaskan melalui mesyuarat JAF dan JKAP secara berkala, MKSP tahunan, audit dalam, audit luaran dan lawatan pemeriksa luar. Fakulti telah membuat pemetaan objektif fakulti dengan objektif UiTM dan MyRA bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016-2020). (Rujuk Bukti 2)

Bukti 1 menunjukkan pensejajaran diantara lima Objektif FSPPP dan Objektif UiTM. Tiga daripada 5 Objektif yang dinyatakan merupakan fokus utama FSPPP dalam menggerakkan bidang tumpuan pilihan iaitu penyelidikan dan penerbitan.

Tiga Objektif tersebut adalah seperti berikut:

#### **1. *Enhancing Faculty's Expertise in Supervision, Research and Publication***

Objektif ini memberi tumpuan kepada kualiti penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan akademik dan pelajar di semua peringkat, dengan kerja kursus dan penyelidikan.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Latihan kakitangan akademik untuk program Penyelidikan Graduan dalam Cetakan (GRIP)
- Melibatkan pelajar dalam program GRIP
- Kerjasama strategik untuk pembiayaan dengan agensi di bidang penyelidikan khusus
- Mempromosikan Jurnal Sains Pentadbiran (JAS) sebagai platform untuk penerbitan
- Persidangan antarabangsa setiap tahun yang dianjurkan oleh FSPPP - Persidangan Antarabangsa Mengenai Kajian Dasar (ICoPS)
- Sesi perkongsian dalaman dan kebangsaan untuk hasil penyelidikan
- Program *fellowship*
- Mengatur dan mengambil bahagian dalam Pertandingan Inovasi, Penciptaan dan Reka Bentuk(IID)
- Geran penyelidikan nasional dan antarabangsa melalui RIG dan CMI

#### **2. *Wholesome University Experience and Academic Enrichment for Staff and Students***

Objektif ini memberi tumpuan kepada persediaan staf dan pelajar daripada aspek kemahiran, mental dan spiritual untuk membolehkan mereka memainkan peranan dan tanggungjawab terhadap institusi dan masyarakat.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Menjalin hubungan seumur hidup dengan alumni, Universiti dan masyarakat, secara tidak langsung meningkatkan pengalaman kakitangan dan pelajar
- Mempromosikan penyertaan pelajar dalam kurikulum dan aktiviti kurikulum tambahan yang dapat menyumbang ke arah pencapaian negara dan pengiktirafan antarabangsa
- Mempromosikan perkongsian strategik antara para akademik, industri, dan pakar dan institusi lain untuk meningkatkan perkembangan ilmu dan kemahiran

#### **3. *Strategic Engagement with National, Regional and International Communities***

Objektif ini menumpukan pada usaha untuk berkolaborasi diperingkat kebangsaan, serantau dan masyarakat antarabangsa mengenai pelbagai aspek akademik dan pembangunan penyelidikan.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Mengintegrasikan pengantarabangsaan dalam semua bidang aktiviti fakulti, melalui pengembangan kurikulum yang relevan secara global, mempromosikan dan bekerjasama dalam pengajaran, penyelidikan dan pertukaran pengetahuan dengan rakan serantau dan antarabangsa
- Mempromosikan mobiliti antarabangsa untuk pelajar dan kakitangan
- Mempromosikan kerjasama strategik antara akademik, industri, pakar dan institusi lain untuk meningkatkan akademik dan pembangunan penyelidikan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [FSPPP inisiatif strategik sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM \(2016-2020\).pdf](#)
2. [MAPPING FSPPP – UiTM – MyRA SCORE-compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Secara umumnya, pemantauan dilakukan dengan melihat bidang kepakaran pensyarah dalam bidang utama fakulti seperti pentadbiran awam, hubungan antarabangsa, dasar awam dan penglibatan mereka dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan di fakulti. Penyelidikan dan penerbitan akan lebih tertumpu melalui bidang kepakaran tersebut termasuklah *output* penerbitan kajian yang dilihat dalam penghasilan prosiding dan jurnal. Kajian yang dibuat melalui geran juga dipantau dengan melihat masa, tenaga dan peruntukan kewangan yang dinayatakan dalam proses menyiapkan kajian mengikut perancangan projek.

Selain pemantauan PRISMA dilakukan oleh Timbalan Dekan (ICAEN), pemantauan juga dilaksanakan melalui laporan audit fakulti. Menurut laporan tersebut di bawah penanda aras standard penyelidikan dan pembangunan, pihak fakulti haruslah mempunyai dasar dan perancangan yang mengenalpasti keutamaan, fasiliti dan pembangunan dalam penyelidikan dan penerbitan. Contohnya, setakat ini, fakulti telah mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Research Management Centre* UiTM untuk penyelidikan. (Bukti 1)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti 2.4.1 Guideline RMC.pdf](#)

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko adalah salah satu agenda utama yang diberi penekanan oleh FSPPP. Mengenalpasti risiko merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi mengurangkan impak yang akan berlaku. Sebagai contoh, Dekan fakulti telah memaklumkan pencapaian PI yang ditetapkan oleh universiti tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 21% setakat Julai 2020. Perbincangan telah diadakan bersama Timbalan Dekan dan ketua-ketua unit dan bahagian perancangan yang telah dibuat dan diambil tindakan oleh semua yang terlibat. (Bukti 1)

Pandemik COVID-19 yang melanda negara telah memberi kesan terhadap pengoperasian universiti. Pergerakan yang terbatas dan cabaran komunikasi merupakan risiko utama yang perlu diberi perhatian. Pencapaian objektif boleh terkesan jika tiada langkah-langkah kawalan yang bersesuaian diambil. Sehubungan dengan itu pihak Pengurusan Kanan fakulti telah merangkkan pelan tindakan berkaitan bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan penerbitan di FSPPP dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.4.2 Dekan.pdf](#)

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Untuk memastikan pencapaian objektif kualiti penyelidikan dan penerbitan, fakulti telah bersetuju untuk memberikan penghargaan dengan insentif tahunan kepada staf akademik yang aktif menerbitkan penyelidikan mereka mengikut rekod yang di dalam PRISMA. (Bukti 1)

Ini juga turut disokong dengan laporan audit fakulti di bawah penanda aras standard penyelidikan dan pembangunan, fakulti perlu menyediakan insentif kepada staf akademik untuk menjalankan penyelidikan. Insentif berbentuk pembiayaan turut dicadangkan kepada staf akademik untuk mereka memulakan penerbitan termasuklah penerbitan jurnal berwasit tinggi.

Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Fakulti juga telah bersetuju bagi memastikan penerbitan didaftarkan di PRISMA setiap tahun, fakulti turut memberikan ganjaran penerbitan sebagai galakkan kepada staf akademik untuk mendaftarkan penerbitan mereka ke dalam PRISMA.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.4.3 Insentif Penerbitan.pdf](#)

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil perbincangan Timbalan Dekan ICAEN bersama pengurusan fakulti dan laporan audit fakulti, kepimpinan kanan fakulti telah bersetuju untuk memberi ganjaran berbentuk kewangan kepada staf akademik yang tidak pernah mendapatkan geran sebelum ini sebagai galakan untuk mereka memohon geran penyelidikan.

Apabila fakulti berjaya mencapai beberapa objektif kualiti penyelidikan secara positif, kepimpinan kanan fakulti bersetuju untuk menyemak semula sasaran bilangan penyelidikan untuk tahun mendatang. (Bukti 1)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.5 semak semula sasaran.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Penglibatan pelanggan di dalam program di peringkat Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian polisi (FSPPP) adalah sangat penting dalam memastikan pencapaian yang holistik. Justeru, tumpuan kepada pelanggan sangat dititik beratkan dalam mencapai misi FSPPP iaitu mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

#### **Pelaksanaan**

Penilaian kepuasan pelanggan adalah sangat di utamakan FSPPP dalam memastikan kesinambungan penglibatan pelanggan. FSPPP memastikan segala prosedur operasi standard (SOP) dalam pengurusan kualiti ditepati dalam merekodkan segala maklumbalas pelanggan untuk rujukan dan peningkatan kualiti program yang akan dilaksanakan di masa hadapan. FSPPP komited dalam memastikan setiap pelanggan mempunyai peluang penglibatan sama rata dalam penerbitan dan penyelidikan dengan membuka lebih banyak geran dalaman. Ini dapat menggalakkan lebih banyak program dapat dijalankan dengan peruntukan dana yang kompetitif melibatkan semua kumpulan pelanggan.

#### **Pemantauan**

FSPPP telah berusaha untuk mendapatkan sebanyak mungkin MOA atau MOU bersama dengan rakan universiti dan industri, baik tempatan mahu pun antarabangsa, dalam usaha mendapatkan dana untuk menggalakkan penyelidikan dan penerbitan FSPPP. Fakulti juga sentiasa memperbaiki hubungan dengan semua pihak dalam usaha menghasilkan jaringan komuniti yang lebih efektif.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

#### **KUMPULAN SASAR**

Kumpulan sasar FSPPP bagi tumpuan penyelidikan dan penerbitan terbahagi kepada dua iaitu pelanggan luaran dan pelanggan dalaman. Setiap kumpulan pelanggan mempunyai keperluan yang berbeza mengikut kapasiti sumbangan masing-masing. Pelanggan luaran terdiri daripada rakan industri dan rakan universiti (university's partner). Manakala pelanggan dalaman adalah para pensyarah dan pelajar. Keperluan dua golongan ini dikenal pasti kerana perbezaan keperluan dan kehendak dalam memastikan pencapaian yang memuaskan. Kaedah mengenalpasti pelanggan adalah merujuk kepada Pelan Perancangan Strategik FSPPP 2016-2020. Misi utama FSPPP ialah mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

\*Rujuk bukti 1, 2, dan 3 untuk Pelan Strategik FSPPP 2016-2020

#### **1) PELANGGAN DALAMAN**

Langkah mengenal pasti pelanggan dalaman adalah berdasarkan matlamat FSPPP dalam memberi tumpuan dan peluang untuk pensyarah dan pelajar untuk luar biasa dan pengalaman khas yang mempersiapkan mereka untuk hidup di luar melalui peranan mereka sebagai pelajar atau kakitangan, dan membina kemahiran insaniah untuk berjaya. Matlamat FSPPP ini dengan jelas menyatakan pelanggan dalaman FSPPP adalah pensyarah dan pelajar.

#### **2) PELANGGAN LUARAN**

Pelanggan luaran FSPPP adalah terdiri daripada rakan universiti, industri dan alumni. FSPPP menjalin MOA dan MOU bersama rakan universiti dan juga industri dalam memastikan kelangsungan hubungan dua hala FSPPP dan pelanggan luaran. FSPPP menyimpan dan sentiasa mengemaskini data alumni dan menganjurkan program bersama alumi bersama pensyarah dan pelajar.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [Fsppp Strategic Plan 2016-2020.pdf](#)
2. [Fsppp Strategic Plan 2016-2020-1.pdf](#)
3. [Fsppp Strategic Plan 2016-2020-2.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengumpulan maklumat pelanggan di FSPPP dilakukan secara sistematik mengikut keperluan bidang masing-masing. Contohnya maklumat rakan universiti dan alumni di simpan di bawah portfolio jaringan industri, komuniti dan alumni. Untuk data pensyarah sudah semestinya data di simpan oleh pendaftar UiTM dan juga FSPPP, mengikut jabatan dan kepakaran masing-masing. Maklumat pelajar pula disimpan di dalam rekod FSPPP mengikut program pengajian dan maklumat pendaftaran pelajar untuk setiap semester. Kesemua maklumat ini dapat di akses dengan mudah terutama sekali kepakaran pensyarah yang boleh juga dilayari di website FSPPP.

\*Rujuk bukti 1

Pihak pengurusan FSPPP mengenalpasti dan melibatkan kumpulan sasar, iaitu industri, pensyarah dan pelajar dalam bidang tumpuan pilihan berdasarkan Pelan Perancangan Strategik 2016-2020. Pelan ini adalah bertetapan dengan arah tuju UiTM untuk dikenali di persada antarabangsa melalui MOA dan MOU bersama institusi swasta dan juga universiti antarabangsa. Justeru, penglibatan kumpulan sasar secara seimbang ditekankan dalam semua program anjuran FSPPP berdasarkan data pelanggan yang telah dikumpul dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

\*Rujuk bukti 2 dan 3

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Data Alumni.pdf](#)
2. [Program bersama Alumni.pdf](#)
3. [MoU MoA FSPPP 2019-2021.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPPP mengalakkan kaki tangan dalam pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan dalam kerjaya. Dalam mewujudkan suasana pembelajaran di kalangan warga FSPPP Eksspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) antara langkah proaktif yang di ambil oleh FSPPP untuk pelajar dan kaki tangan menonjolkan bakat dalam cipta produk komersial dan mesra alam.

Bagi menggalakkan penglibatan pelajar dan kaki tangan dalam IIDEX, FSPPP memberi pembiayaan yuran secara percuma. IIDEX yang dianjurkan Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) Universiti Teknologi MARA (UiTM), memasuki edisi ke-12 tahun ini dan membuka penyertaan kampus cawangan UiTM, universiti swasta serta sekolah. FSPPP turut aktif dalam perlaksanaan WEBINAR dalam meningkatkan potensi dan prestasi di kalangan warga FSPPP.

rujuk bukti 2 dan 3

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [WEBINAR ID 2019\\_2020\\_2021 \(2\).pdf](#)
2. [WEBINAR ID 2019\\_2020\\_2021 \(2\).pdf](#)
3. [senarai Penerbitan dan Innovasi sehingga 2020 - radduan yusof.xlsx - innovation.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FSPPP senantiasa peka terhadap aduan dan makluman balas pelanggan sejajar untuk mencapai misi dan visi yang telah digariskan oleh pihak kepimpinan FSPPP. Langkah proaktif melalui teknik penilaian risiko yang dirangka oleh FSPPP merupakan salah satu inisiatif dalam menaik taraf kualiti dalam pengurusan FSPPP. Penumpuan pelanggan diberikan kepada kumpulan staf FSPPP, pelajar, agensi kerajaan, Universiti luar dan industri.

Rujuk bukti 1

FSPPP telah mengenalpasti beberapa jenis aduan dan masalah yang dihadapi sepanjang tahun 2019 dan 2020. Pengenalpastian aduan pelangan ini membuktikan FSPPP komited dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik sejajar dengan visi UiTM menjadil sebuah universiti unggul yang berteraskan kersarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

rujuk bukti 2 dan 3

Kebanyakan aduan yang dibuat oleh pelanggan berkaitan dengan isu yang sama. Aduan mengenai Hal Ehwal Akademik dan masalah pensyarah merekodkan jumlah yang tertinggi. Peningkatan aduan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda menyebabkan semua pihak masih menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran atas talian dan memberi maklum balas melalui saluran yang disediakan demi meningkatkan kualiti kerja pelbagai pihak.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAPORAN ADUAN PELANGGAN 2019-2020 unit korporat \(3\).pdf](#)
2. [LAPORAN ANALISA ADUAN JANUARI-JUN 2020 FSPPP \(2\).pdf](#)
3. [laporan eaduan okt20-feb21 edited jen \(2\).pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPPP memandang aspek penerbitan sebagai salah satu kompenan utama dalam mencapai Prestasi Indeks (PI) universiti. Pemilihan bengkel atau seminar yang bersesuaian mampu untuk meningkatkan kualiti penulisan pensyarah. Antaranya bengkel penulisan Systematic Literature Review (SLR). Seminar SLR yang disediakan cara atas talian kepada para pensyarah sebagai peluang pembelajaran yang berterusan berkaitan penyelidikan.

#### **RUJUK BUKTI 1**

FSPPP turut memberi inisiatif kepada staf yang berjaya menerbitkan penerbitan dalam jurnal, persidangan, buku dan bab dalam buku bagi memberikan suntikan semangat untuk aktif dalam dunia penyelidikan.

#### **RUJUK BUKTI 2**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Systematic Literature Review SLR \(1\).pdf](#)
2. [JADUAL PERMOHONAN RESEARCH REWARD FSPPP.xlsx - 2020.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil inovasi daripada pemantauan, kenal pasti risiko dan penambahbaikan menyumbang kepada penilaian program-program lepas yang lebih menyeluruh. Pada 2019, FSPPP Shah Alam telah menganjurkan Konferensi Antarabangsa ICoPS ITeC 2019 yang melibatkan semua kumpulan sasaran, iaitu rakan universiti, alumni, industri, pensyarah dan pelajar. Rakan universiti ini iaitu, Universiti Yogyakarta, Universiti Airlangga Indonesia, Universitas Subang Indonesia, Nottingham Trent University United Kingdom, Institute of Diplomacy and Foreign Policy (IDFR) Wisma Putra dan Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST) telah dijemput untuk menjadi penganjur bersama konferensi ini (\*rujuk bukti 1). Hasil konferensi ini telah meningkatkan penerbitan jurnal FSPPP iaitu e-book penerbitan khas ICoPS 2019 (rujuk bukti 2).

Pihak pengurusan FSPPP juga mengeluarkan dana tambahan untuk menyokong penyelidikan dan penerbitan pensyarah dan pelajar terutamanya, dengan menganjurkan bengkel penulisan Systematic Literature Review bermula 2019 (rujuk bukti 3). Penyelidikan dan penerbitan ini juga ditekankan untuk mencari penulis bersama industri atau alumni untuk bacaan yang lebih menyeluruh dan bukan sahaja di kalangan pembaca akademik. Permohonan geran dalaman dibuka kepada pensyarah yang juga memberi penekanan kepada konsep “knowledge transfer program” atau “university social responsibility” yang mengharuskan penglibatan rakan industri dan juga alumni dalam permohonan geran dan program-program yang dirancang (rujuk bukti 4).

Di peringkat FSPPP juga telah banyak di anjurkan seminar seperti seminar pascasiswazah yang memberi pendedahan kepada para pelajar pascasiswazah tentang penyelidikan dan penerbitan untuk menggalakkan pelajar menulis dan menerbitkan hasil kajian mereka (rujuk bukti 5).

Kualiti pemantauan maklumbalas juga diperkemas seiring dengan peningkatan penekanan terhadap tahap kualiti pelanggan FSPPP yang memuaskan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [icops itec 2019 flyers.pdf](#)
2. [Extended Abstract e-book ICoPS 2019-simplified.pdf](#)
3. [Systematic Literature Review SLR.pdf](#)
4. [Geran Dalaman FSPPP 2020.pdf](#)
5. [Webinar Pascasiswazah 2020.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pencapaian terhadap pelaksanaan strategi diukur dari masa ke semasa bagi memastikan objektif fakulti terhadap penyelidikan dan penerbitan tercapai. Bagi tujuan tersebut, pengukuran dibuat dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu penunjuk prestasi utama (KPI) fakulti dan universiti dijadikan panduan utama dalam melihat pencapaian fakulti dalam penyelidikan dan penerbitan.

Tujuan analisa dan menilai data dan maklumat fakulti adalah untuk memastikan:

- a) Perancangan yang telah dilaksanakan dengan berkesan;
- b) Memenuhi keperluan pelaporan SAP (BTU), MYRA, SAP Fakulti, MKSP dan laporan Risiko Universiti.
- b) keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani, cabaran, risiko dan peluang; dan
- d) keperluan untuk memperbaiki strategi pengurusan fakulti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Pengumpulan, perkongsian dan analisa data dan maklumat adalah berdasarkan kepada keperluan yang sesuai yang telah ditentukan dan ditakrifkan oleh Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan dari Pelan Tindakan Strategi (SAP), misi dan visi Universiti dan dokumen-dokumen berkaitan. Bagi memanjangkan hasrat universiti, setiap 5 tahun fakulti akan menetapkan SAP (SAP 2015-2020, SAP 2021-2025) fakulti berdasarkan keperluan Universiti dan pemegang taroh yang berkaitan.

Penurunan tanggungjawab seterusnya diletakkan di bawah portfolio setiap Timbalan dekan dan akan dibantu oleh koordinator dan penyelaras fakulti di portfolio masing-masing. Setiap kordinator di fakulti akan mengumpul, menyusun dan mendokumen data untuk menyelaras tindakan dan bagi tujuan pelaporan. Setelah tindakan diambil, data akan dianalisa pada selang masa yang telah ditetapkan bagi membantu pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, penambahbaikan bersesuaian dengan halaju fakulti. Setiap koordinator mempunyai tempoh pelaporan tertentu. Contohnya, empat (4) kali setahun bagi tujuan pelaporan dalam mesyuarat RICAEN, Pelaporan Suku Tahunan untuk MyRA, kemaskini bulanan untuk laporan BTU dan sekurang-kurangnya dua kali MKSP setiap tahun. Maklumbalas dari pelaporan ini kemudiannya akan digunakan untuk menjalankan gerak kerja di peringkat yang telah ditetapkan.

Prosedur yang digambarkan dalam Gambarajah 4.1 (Lihat Bukti 2) ini adalah untuk memastikan data dan statistik yang sesuai, tepat dan terbaru digunakan dalam membantu fakulti membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Data akan ditakrif, dikumpul, disusun dan didokumen dengan baik agar mudah untuk dibuat rujukan semula. Analisa data-data dengan selang masa yang telah ditetapkan pula memastikan keputusan dan pencapaian adalah sentiasa terkini. Lebih-lebih lagi pentadbiran FSPPP dibahagi kepada dua lokaliti yang berbeza, yakni di Shah Alam dan Seremban 3. Ini membolehkan tindakan yang diambil dari data dan maklumat yang ada untuk mudah, segera dinilai dan merangkumi kedua-dua lokaliti ini. Dengan cara ini, peningkatan berterusan boleh dibuat atau ditentukan dan potensi tindakan pencegahan bagi ketidakpatuhan dapat dibuat dengan segera dan berterusan.

Bagi tujuan dan penumpuan terhadap Penyelidikan, penerbitan pengkomersilan tanggungjawab penganalisa dan pelaporan data berpusat di bawah Timbalan Dekan PJI yang dibantu oleh kordinator dan penyelaras di bawahnya. Namun begitu, maklumat, maklumbalas dan tugas untuk merangsang dan memastikan usaha penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan adalah dikongsi bersama oleh setiap Timbalan Dekan dengan portfolio masing-masing. Kaedah ini memastikan kerjasama dan tindakan bersama setiap ahli di dalam fakulti.



## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Secara dasarnya, keperluan perancangan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan fakulti dibuat berdasarkan 7 laporan sebagai kayu utama iaitu

1. Pelan Tindakan Strategi FSPPP 2020-2021 (SELARI DENGAN PERANCANGAN STRATEGIK UITM 2025)
2. Laporan Unit Kualiti (MKSP, Laporan Audit, Laporan SRR)
3. Laporan Universiti (BTU dan Myra)
4. Laporan SAP bahagian HEA, HEP Fakulti
5. laporan pemegang taruh (stakeholder) dalaman dan luaran.
6. Laporan Peringkat RICAEN (Laporan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Masyarakat, Alumni, Keusahawanan RICAEN
7. Minit-minit Mesyuarat (Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, Mesyuarat Akademik)

Seterusnya perancangan secara lebih terperinci dan tersasar akan dibuat melalui pecahan dan pembahagian tugas, peranan dan tanggungjawab yang lebih spesifik.

Sebagai contoh, melalui SAP Universiti dan SAP fakulti, penekanan berbeza telah diberikan di setiap portfolio. Pembahagian ini dibuat melalui pembahagian PI yang ditetapkan oleh universiti untuk setiap fakulti. Manakala PI ini kemudiannya di pindahkan ke setiap portfolio untuk diambil tindakan seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 4.2 (Lihat Bukti 2). Seterusnya Timbalan Dekan PJI akan membahagikan tanggungjawab ini kepada beberapa peringkat atau bahagian di bawah portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri seperti yang ditunjukkan oleh Gambarajah 4.3 (Lihat Bukti 2). Bagi setiap bahagian TD PJI akan bekerjasama dengan 3 Kordinator (ICEAN, MASMED dan Penyelidikan) yang akan dibantu oleh penyelaras-penyelaras seperti yang dipaparkan dalam Gambarajah 4.4 (Lihat Bukti 2).

Seterusnya, bagi tujuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang dibahagikan berdasarkan PI Fakulti di Peringkat PJI bidang tugas ini akan ambil alih oleh Kordinator penyelidikan yang akan membantu untuk menghasilkan tindakan berdasar data dan maklumat yang dikumpul di peringkat RICAEN. Gambarajah 4.5 (Lihat Bukti 2) menunjukkan pembahagian dan perincian PI dan kaitannya dengan objektif kualiti fakulti. Setelah setiap data di kumpul, dikongsi, dianalisa pembahagian tugas dilakukan berdasarkan kluster-kluster yang dibina khas untuk merancakkan usaha penyelidikan, penerbitan, inovasi, pengkormersilan dan sebagainya. Terdapat empat kluster yang menempatkan dan membolehkan mentor-mentee yang terdiri dari setiap ahli fakulti untuk bekerjasama seperti yang dipaparkan dalam gambarajah 4.6 (Lihat Bukti 2).

Rujuk Bukti:

Bukti 2 : Appendik 1 pengukuran

### **SENARAI BUKTI:**

1. [FSPPP\\_Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Tahun 2020.pdf](#)
2. [APPENDIK 1 pengukuran.pdf](#)

#### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Proses dan prosedur pengumpulan, analisa dan penilaian data dan maklumat di FSPPP adalah hasil daripada perancangan dan pemantauan yang telah dipersetujui oleh setiap portfolio. Perancangan dan pemantauan ini telah mengambil kira maklumat dari banyak pihak. Ini termasuk maklumat dari pelajar, staf, pengurusan, auditor dalam dan pengulas luaran (*external reviewer*). Selain itu perancangan data juga mengambil kira maklumat dari kaji selidik industri dan juga *benchmarking* yang dibuat daripada fakulti lain dan universiti-universiti yang bekerjasama dengan FSPPP.

Setelah perancangan dibuat, maklumat tersebut perlu mendapat kelulusan pengurusan fakulti supaya proses penilaian pelaksanaan seperti objektif kualiti dapat berjalan lancar. Sokongan pihak atasan penting bagi memastikan semua ahli fakulti turut sama menyumbang data yang mereka peroleh bagi melihat pencapaian objektif fakulti.

Bagi tujuan penyelidikan, penerbitan dan inovasi, tugas merancang jumlah jadual analisis data diletakkan di bawah ICAEN. Kekerapan penilaian data ini mengikut jadual mesyuarat ICAEN yang berlangsung sekurang-kurangnya 4 kali setahun bertujuan untuk mengemaskini data bagi tujuan laporan BTU dan MyRA. Namun begitu perjumpaan dan perbincangan ICAEN sebenarnya kerap dilakukan melalui aplikasi *Whatsapp*.

Selain dari pengajaran, fokus kepada penyelidikan, penerbitan dan inovasi merupakan sebahagian daripada tugas utama ahli akademik. Staf akademik fakulti perlu memaklumkan kepada penyelaras-penyalaras ICAEN dan mengemaskini data di dalam PRISMA bagi memudahkan proses analisa dijalankan. Koordinator ICAEN turut membuat hebahan melalui *email* dan *whatsapp* tentang keperluan untuk ahli akademik mengemaskini maklumat penerbitan di dalam PRISMA secara kerap.

Bermula pada tahun 2020, Pelan Tindakan Strategi (SAP) fakulti telah mengambil kira keperluan untuk menguraikan tugasan pencaknaan maklumat dan perancangan kerja berdasarkan sistem Kluster. Empat kluster telah ditubuhkan iaitu Kluster Pentadbiran Awam dan Politik, Kluster Polisi Awam, Kluster Pentadbiran Korporat dan Kluster Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi. Melalui kaedah ini pembahagian tanggungjawab untuk mengimarahkan aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan di agih-agihkan mengikut pemberat yang telah ditetapkan. Pemberat ini adalah berdasarkan dari keperluan BTU universiti.

Bagi membantu kluster membuat perancangan diperingkat itu, data-data akan dikongsikan. Data yang dianalisa dalam penelitian ini adalah data jumlah penyelidikan, jumlah penerbitan, inovasi, jumlah geran bagi tujuan peningkatan pengetahuan berkaitan penyelidikan dan penerbitan yang berkaitan dengan setiap kluster. Melalui perkongsian data ini setiap kluster dapat melihat pencapaian kluster-kluster lain. Ini membantu *mentor-mentee* dalam setiap kluster untuk membuat perbandingan dan perancangan.

Sebagai contoh, Jadual 4.1 menunjukkan item pengukuran dalam analisa data bagi tujuan pencapaian objektif kualiti. Maklumat ini akan diambil kira oleh ICAEN di dalam perancangan mereka. Setelah perancangan untuk menganalisa dibuat diperingkat ICAEN, perancangan tersebut akan dibentangkan ke dalam mesyuarat pengurusan fakulti. Setelah mendapat kelulusan dari ahli mesyuarat pengurusan, proses pengumpulan data akan dijalankan mengikut jadual analisa data. Pengumpulan data dibuat melalui *email* dan *Google Form* dan peringatan melalui *email* dan *Whatsapp* turut digunakan dalam kalangan ahli fakulti. Setelah data di analisa, seterusnya, pembahagian tugas dan tanggungjawab akan dibahagikan ke peringkat kluster untuk menentukan pencapaian yang diperlukan berdasarkan pemberat yang telah ditetapkan.

Setelah hebahan dibuat, maka proses pengumpulan analisa data dijalankan. Data yang diambil

dari PRISMA dan juga maklumat yang disalurkan kepada AJK ICAEN akan dianalisa dan dibuat perbandingan antara tahun semasa dan tahun sebelumnya berdasarkan kepada objektif kualiti fakulti. Data perbandingan adalah seperti yang terlihat dalam minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) seperti di lampiran.

Setelah maklumat tersebut dilaporkan dan disahkan dalam MKSP, maklumat tersebut akan turut dihebahkan kepada semua ahli akademik dalam mesyuarat akademik. Tujuan hebahan dilakukan adalah untuk memastikan setiap ahli akademik fakulti tahu bentuk dan jumlah sumbangan mereka terhadap pencapaian objektif kualiti fakulti. Analisa perlu dijalankan bagi tujuan melihat pencapaian objektif tercapai atau tidak. Sekiranya objektif kualiti tidak tercapai, maka penambahbaikan berterusan akan dirancang oleh Timbalan Dekan PJI dan Koordinator dan Penyelaras ICAEN bagi mengubah strategi sedia ada. Laporan analisa adalah seperti yang dicatatkan dalam minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [FSPPP\\_STRATEGIC ACTION PLAN \(SAP\)-RCAEN 25.2.21.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pencapaian prestasi FSPPP terbahagi kepada beberapa peringkat. Peringkat pertama adalah dilaksanakan oleh Koordinator dan Penyelaras yang dilantik bagi setiap portfolio Timbalan Dekan. Sebagai contoh di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan PJI tugas pemantauan, penganalisaan data akan dilakukan oleh Koordinator ICAEN, Koordinator MASMED dan Koordinator Penyelidikan yang memperolehi maklumat dari Penyelaras-penyelaras di setiap bahagian. Koordinator ICEAN akan dibantu oleh Penyelaras Jaringan Industri, Penyelaras Khidmat Masyarakat, Penyelaras Alumni dan Penyelaras MyRA. Manakala Penyelaras MASMED akan dibantu oleh Penyelaras OSBC. Koordinator Penyelidikan pula berganding bahu bersama dengan Penyelaras Penerbitan, Penyelaras Inovasi, Penyelaras Geran dan Penyelaras PRISMA.

Melalui percambahan maklumat ini, Koordinator akan mengumpul data-data bagi tujuan perbandingan prestasi pada tahun semasa dan tahun sebelumnya. Selain itu, data juga dianalisa bagi tujuan melihat pencapaian tersebut selaras dengan objektif kualiti atau tidak. Seterusnya maklumat ini akan dilaporkan kepada Timbalan Dekan bagi membantu pihak pengurusan untuk melakukan kaji semula pengurusan, penambahbaikan, tindakan pembetulan, analisa risiko dan peluang terutama perkara yang melibatkan penyelidikan dan penerbitan. TD PJI akan mengenalpasti kelemahan bagi tujuan penambahbaikan. Strategi baru akan dibentuk sekiranya prestasi semasa tidak selaras dengan objektif fakulti. Dengan cara ini, fakulti dapat memastikan bahawa keputusan yang dibuat adalah bertepatan hasil dari pengurusan data dan maklumat yang betul.

Setiap data yang dikumpul, disimpan dan dilaporkan oleh koordinator dan penyelaras akan digunakan dan dikongsikan kepada setiap ahli fakulti untuk diminitkan dalam mesyuarat pengurusan, penyelidikan dan juga mesyuarat akademik. Dengan cara ini maklumat-maklumat yang dikumpulkan dapat disampaikan kepada pihak yang berkepentingan.

Sebagai contoh, maklumat ini akan diserahkan kepada auditor fakulti yang membuat pemantauan berkala pencapaian objektif fakulti. Seterusnya data ini akan dikongsikan kepada Ketua Unit Kualiti yang akan melaporkan pencapaian objektif kualiti dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan bagi mengesahkan pelaksanaan dan pencapaian fakulti. Justeru, dengan pelaksanaan pemantauan pencapaian yang sistematik di FSPPP, ianya bukan hanya membantu pencapaian objektif FSPPP, pemantauan ini juga penting bagi membantu pencapaian objektif UiTM secara keseluruhannya.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [20 MAY 2021 \\_PI RICAEN 2021.pdf](#)
2. [Pembentangan Pencapaian 2020 dan Inisiatif 2021 - Dekan FSPPP.pptx.pdf](#)
3. [26 OCT RICAEN SAP 2020 \(1\).pptx.pdf](#)
4. [MKSP\\_RICAEN\\_11DEC2020.pptx.pdf](#)
5. [RAC 1 OCT 2020 \(1\).pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Bagi memastikan proses penganalisaan berjalan lancar, fakulti turut membuat penilaian risiko ke atas proses analisa data. Risiko yang dikenal pasti yang akan menjelaskan analisa data terbahagi kepada beberapa faktor iaitu:

1. Manusia

1. Jadual Analisis Data yang tidak dikemas kini
2. Pertukaran pegawai pelaksana analisis data

2. Bahan

1. Ketidakcukupan data yang dianalisis
2. maklumat yang dipohon tidak diberikan oleh kakitangan

3. Kaedah

1. Ketidaktepatan data yang dianalisis
2. kesilapan kaedah pemerolehan data
3. kaedah pengumpulan data yang tidak sesuai
4. pemerolehan data yang berganda dari pihak yang berbeza
5. Kekerapan analisis data yang tidak seragam.

Risiko-risiko seperti di atas telah dikenalpasti sebelum dan semasa pengumpulan data dan maklumat dibuat. Bagi memastikan risiko pemerolehan dan penganalisaan data yang tidak tepat, setiap koordinator dan penyelaras akan membuat perbincangan dengan TD dibawah portfolio masing-masing mengenai kaedah pengumpulan data sebelum data ini digunakan atau dipersembahkan ke pihak pengurusan. Pemakluman tentang pengumpulan dan keperluan data dibuat di peringkat TD dan koordinator untuk memastikan pengumpulan data yang lebih berkesan. Pemakluman yang dibuat diperingkat atasan memastikan setiap ahli fakulti faham kepentingan berkongsi maklumat dan juga meningkatkan keyakinan bahawa makluman atau pelaporan yang dibuat adalah penting dan tepat.

**SENARAI BUKTI :**

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kajian semula dan tindakan penambahbaikan sentiasa dilakukan oleh fakulti bertujuan untuk:

1. Tindakan Penambahbaikan yang tidak diambil bagi peluang penambahbaikan yang dikenal pasti.
2. Tindakan Pencegahan yang lewat diambil bagi trend data yang menunjukkan kemerosotan.

Peringkat seterusnya melibatkan penganalisaan data yang dibuat di peringkat koordinator dan penyelaras bersama Timbalan Dekan setiap portfolio. Pembetulan akan dilakukan melalui perbincangan dengan setiap bahagian. Melalui ini, tindakan yang akan diambil untuk memastikan pencapaian fakulti sentiasa dibuat dalam tempoh masa yang bertepatan yang ditetapkan. Setelah membuat analisa perubahan akan dilakukan dan makluman akan disampaikan semula kepada setiap ahli fakulti melalui mesyuarat-mesyuarat sedia ada seperti mesyuarat pengurusan, mesyuarat akademik, MKSP dan sebagainya untuk tindakan selanjutnya.

Proses ini berjalan secara berterusan dan kerap. Dalam membuat penambahbaikan pendapat semua pihak akan diambil kira. Ini bertujuan untuk memastikan setiap program yang dirancang sentiasa menepati keperluan semasa bagi mencapai objektif yang telah ditentukan pada peringkat awal. Perancangan diperangkat kluster dengan pemberat masing-masing memudahkan proses penambahbaikan yang lebih tersasar. Kluster diberi kebebasan penuh untuk membuat perancangan, dan pihak fakulti akan sentiasa bersedia untuk membantu jika diperlukan.

#### **SENARAI BUKTI :**

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Setiap data yang telah dianalisa akan digunakan bagi tujuan penambahbaikan. Sebagai contoh yang diamalkan di RICAEN, Timbalan dekan PJI bersama-sama koordinator dan penyelaras RICAEN menilai apakah impak dari keputusan yang dibuat dan juga penambahbaikan berterusan yang boleh dibuat berdasarkan kepada hasil analisa yang dibuat. Strategi penambahbaikan yang berterusan akan diputuskan, dimulakan dan dirancang berdasarkan Plan, Do, Check, Act (PDCA).

Melalui penilaian dan keperluan semasa misalnya, memerlukan ahli fakulti untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan dan penulisan berimpak tinggi seperti yang disarankan oleh SAP PI UiTM. Beberapa kursus dan webinar penulisan telah dirancang sepanjang tahun 2019-2020 bagi tujuan ini. Analisa hasil yang dibuat oleh koordinator penyelidikan melalui perbualan bersama peserta mendapat terdapat impak dari kursus-kursus dan webinar yang dijalankan berjaya meningkatkan penulisan dan penyelidikan di kalangan ahli fakulti. Misalnya, Kursus Writing in High Impact Journal Prof Norazah Mohd Suki adalah satu kursus yang difikirkan perlu bagi menambah penulisan di jurnal berimpak tinggi setelah penelitian data fakulti pada tahun 2019 dibuat. Melalui penelitian dan maklum balas dari peserta, beberapa artikel telah dikenal pasti berjaya diterbitkan di jurnal berimpak tinggi. Kesan dari itu, beberapa siri webinar yang seumpama telah dibuat dan dirancang untuk membantu meningkatkan jumlah penerbitan fakulti. Kaedah pembuatan keputusan dari hasil dapatan dan analisa data, trend, dan prestasi fakulti memastikan lebih peluang untuk kejayaan, terutamanya dalam mencapai setiap objektif dan sasaran yang telah ditetapkan lebih awal. Selain itu ia juga memberi maklumbalas untuk kawalan pencegahan dan penambahbaikan berterusan yang lebih tersasar, tepat dan efektif dari segi kewangan.

Semua perancangan ini tidak boleh berlaku tanpa adalah integrasi data dan maklumat dari setiap portfolio di fakulti. Masing-masing mempunyai peranan penting untuk mencari dan membentangkan maklumat yang kemudiannya akan diserah atau dikongsi ke portfolio yang berkenaan. Selain itu amalan untuk berkongsi maklumat seperti kursus, webinar yang dijalankan oleh agensi, fakulti, bahagian di dalam dan luar UiTM juga sering dilakukan terutama yang berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan pengkomersilan dan inovasi melalui email, website dan perbincangan perkumpulan setiap portfolio dan kluster.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [CONTOH HEBAHAN WHATSAPP.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah aspek penting yang perlu dititikberatkan selari dengan objektif kualiti fakulti serta hasrat UiTM untuk menjayakan bidang ini. Bagi menjayakan bidang tumpuan yang telah direncanakan, penglibatan sumber manusia secara optimum merupakan salah satu aspek yang diberi perhatian oleh FSPPP. Sumber manusia FSPPP yang disokong oleh staf akademik serta bukan akademik digerakkan untuk bersama berganding bahu bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Dalam konteks ini, pengurusan tertinggi FSPPP telah merangka Pelan Perancangan Strategik yang jelas untuk memacu kejayaan fakulti. Bahagian ICAEN diberi tanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirangka dengan kerjasama bahagian dan unit lain berkaitan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan ini dipantau dan dilaporkan hasil pencapaianya dalam mesyuarat utama fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Akademik untuk mengenalpasti masalah serta cadangan penambahbaikan yang sesuai untuk diambil. Hasil maklumbalas yang diperolehi daripada pelanggan, staf serta keputusan mesyuarat akan diambil serius untuk proses penambahbaikan dalam memastikan FSPPP sentiasa maju dan komited untuk memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam bidang tumpuan pilihan.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Dalam memastikan warga FSPPP komited dalam menjayakan bidang tumpuan pilihan, pihak fakulti telah melaksanakan mekanisme seperti berikut agar tujuan ini dapat diuruskan secara baik dan teratur :

- a. Hebahana geran** – Maklumat berhubung geran penyelidikan sentiasa disalurkan dan diuar-uarkan oleh pihak ICEAN melalui email secara rasmi ,whatsapp fakulti, mesyuarat pengurusan fakulti serta mesyuarat akademik bai menambah jumlah penerima geran. Hasilnya warga FSPPP berjaya memohon memperolehi 20 geran yang dikeluarkan samada secara geran dalaman, FRGS, geran universiti malahan geran daripada kerajaan Malaysia. Senarai penerima geran mengikut pecahan adalah seperti di *ruang bukti 1*.
- b. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** – Penglibatan warga FSPPP dalam bidang tumpuan pilihan akan dinilai semasa pemberian markah LNPT tahunan serta peluang kenaikan pangkat. Pendekatan ini adalah selari dengan Pekeliling Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UiTM bilangan 1/2020. Pemakluman berhubung pekeliling ini kepada warga fakulti telah dihebahkan semasa Mesyuarat Akademik serta email rasmi. Dengan ini, warga FSPPP akan lebih komited dalam membantu pengurusan untuk menjayakan bidang penyelidikan , penerbitan dan pengkomersilan. (*rujuk ruang bukti 2*)
- c. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** – Dalam menjayakan bidang tumpuan pilihan , pelaporan berkala berhubung pencapaian semasa Bahagian ICAEN dilaporkan melalui platform MKSP. Hasil daripada laporan ini, ianya dapat membantu fakulti mengenalpasti kemajuan serta permasalahan yang timbul dalam usaha menjayakan bidang tumpuan yang dipilih. Contoh bukti pelaporan MKSP adalah seperti di *ruang bukti 3*.
- d. Sokongan dana kewangan** - FSPPP komited membantu warga FSPPP untuk menjayakan bidang tumpuan yang dipilih. Sehubungan dengan itu, berikut kekangan sumber kewangan, FSPPP telah mengambil inisiatif memberikan dana penyelidikan kepada staf akademik melalui peruntukan Tabung Amanah Fakulti. (*rujuk ruang bukti 4*).
- e. Penganjuran Konferensi dan Pertandingan Inovasi-** FSPPP telah menganjurkan *7th International Conference on Public Policy and Social Sciences & 2nd International Invention Innovation Technology Competition 2019* pada 18 November 2019 sehingga 19 November 2019 bertempat di Acapella Suite Hotel Shah Alam, Selangor. Penganjuran konferensi dan pertandingan inovasi ini telah membantu fakulti untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan. (*rujuk bukti 5*)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [SENARAI PENERIMA GERAN FSPPP.pdf](#)
2. [PEKELILING TNCA DAN HEBAHAN DLM METING AKADEMIK.pdf](#)
3. [BUKTI 1 - PETIKAN MINIT MKSP.pdf](#)
4. [pemberian insertif.pdf](#)
5. [icoprs itec.pdf](#)
6. [BUKTI 4- SENARAI PENERIMA GERAN.pdf](#)
7. [BUKTI 3 - MINIT JPF.pdf](#)
8. [BUKTI 4- SENARAI PENERIMA GERAN.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Kepakaran sumber manusia perlu di optimakan untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi. Justeru itu pengurusan tertinggi FSPPP telah melaksanakan beberapa langkah dalam memastikan kepakaran dan pengalaman sumber manusia FSPPP dapat membantu fakulti menjayakan bidang tumpuan. Antara mekanisme yang digunakan adalah:

- a) Perkongsian kepakaran / penyelidikan** - Bahagian ICAEN FSPPP komited dalam menganjurkan webminar atas talian bagi sesi perkongsian ilmu bersama semua warga FSPPP. Dengan cara ini, individu yang dikenal pasti akan berkongsi kemahiran dan kepakaran mereka untuk memastikan fakulti terus cemerlang dalam bidang penyelidikan. Antara contoh program yang dianjurkan adalah seperti "*Hat-Trick Achievement in Winning FRGS : Tips and Tricks yang diadakan pada 7 Julai 2020*", "*Hari Kesarjanaan Fakulti - Sesi Perkongsian Penyelidikan*" pada 15 Mac 2019 dan "*Book Publication Briefing by UiTM Press*" pada 24 April 2020. (rujuk bukti 1 untuk senarai penuh sesi perkongsian kepakaran FSPPP)
- b) Penganjuran Koferensi** - FSPPP turut menganjurkan *7th International Conference on Public Policy and Social Sciences (ICOPS) & 2nd International Invention Innovation Technology Competition (ITEC) 2019* yang diadakan pada 18 November 2019 sehingga 19 November 2019. Konferensi ini adalah platform untuk warga fakulti berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam memacu kejayaan fakulti di masa hadapan. (rujuk bukti 2)
- c) Keahlian badan profesional** - FSPPP turut membiayai yuran keanggotaan badan profesional yang disertai oleh warganya seperti contoh keanggotaan dalam "*The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators*" (MAICSA). (rujuk senarai ahli badan profesional di bukti 3)
- d) Penyelidikan bersama industri** - Warga FSPPP diberikan sokongan sepenuhnya untuk berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam menjalankan penyelidikan bersama pihak industri. (rujuk bukti 4)
- e) Penyeliaan Pascasiswazah** - Penyelia pelajar pascasiswazah turut berkongsi ilmu dan kemahiran bersama pelajar pascasiswazah seperti anjuran program "*29th Postgraduate and Staff Colloquium PostaQ*" yang diadakan pada 16 Jun 2020 - 18 Jun 2020 (rujuk bukti 5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [BUKTI PERKONGSIAN ILMU.pdf](#)
2. [ICOPS.pdf](#)
3. [BADAN PROFESIONAL.pdf](#)
4. [PENYELIDIKAN BERSAMA INDUSTRI.pdf](#)
5. [postQ colloquium.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepuasan hati pelanggan merupakan tunggak kepada kejayaan sesebuah organisasi. Menyedari hal ini, FSPPP sentiasa melakukan yang terbaik bagi memastikan tahap kepuasan hati pelanggan berada di tahap maksimum. Pengurusan FSPPP mengambil berat akan aduan-aduan yang dilaporkan oleh pelanggan. Oleh itu beberapa platform utama digunakan dalam mengukur tahap kepuasan hati pelanggan seperti berikut :

- a) e-Aduan** - satu sistem maklum balas pelanggan yang dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan bagi menyuarakan aduan dan permasalahan mereka mengenai hal-hal yang berkaitan dengan UiTM. Hasil maklumbalas pelanggan melalui sistem e-Aduan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti serta Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Statistik aduan yang diterima bagi sesi Mac 2020 - Julai 2020 adalah sebanyak 197 aduan dan pada sesi Oktober 2020 - Februari 2021 jumlah aduan telah menurun kepada 24 aduan dan kesemuanya telah selesai di ambil tindakan. (*rujuk ruang bukti 1*)
- b) Mesyuarat utama FSPPP** - Komunikasi dua hala sangat dititikberatkan dalam memastikan segala maklumat, arahan dan maklumbalas warga FSPPP dapat disampaikan secara jelas dan teratur. Sehubungan dengan itu sepanjang tahun 2020, FSPPP telah mengadakan 12 kali Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan 4 kali Mesyuarat Akademik bagi mendengar serta menyelesaikan sebarang isu atau aduan yang dikemukakan oleh warga FSPPP. (*rujuk takwim mesyuarat di ruang bukti 2*)
- c) Peti aduan** - Beberapa buah peti aduan telah diletakkan di sekitar banguan FSPPP bagi membolehkan pelanggan menyampaikan maklumbalas atau aduan berhubung perkhidmatan yang diterima.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [BUKTI ADUAN MAKLUM BALAS.pdf](#)
2. [TAKWIM MESYUARAT FSPPP 2020-pdf.pdf](#)

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Dalam menjayakan bidang tumpuan pilihan, beberapa risiko telah dikenalpasti yang boleh menjelaskan keupayaan fakulti untuk mencapai sasaran yang ditetapkan seperti berikut :

**a) Penyertaan dalam aktiviti penerbitan / penyelidikan / penulisan** - Keterlibatan staf yang tidak menyeluruh dalam aktiviti penulisan / penerbitan / penyelidikan mampu menjelaskan KPI fakulti dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah ini pelbagai insentif diberikan oleh pengurusan tertinggi fakulti dalam menggalakkan penglibatan secara menyeluruh semua warga FSPPP dalam menjayakan bidang tumpuan ini. (rujuk bukti 1)

**b) Kepakaran / kemahiran staf** - Kurang kemahiran /kepakaran dalam bidang tumpuan mampu menjadi risiko utama dalam usaha pihak fakulti untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan. Bagi mengatasi masalah ini pelbagai aktiviti, bengkel dan sesi perkongsian ilmu telah dijalankan oleh FSPPP untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada warga fakulti. Antara contoh program yang dilaksanakan adalah seperti "*Webminar ICAEN: Tips to Write a Winning Proposal, Lestari Covid Grant From Social Science Perspective*" yang diadakan pada 2 Julai 2020, "*Webminar ICAEN : Book Writing - Tips on Starting to Write a Book*" yang diadakan pada 14 Ogos 2020 dan "*Webminar ICAEN: Tips Penulisan Buku Rujukan dan Penyuntingan Kandungan*" pada 11 September 2020. (rujuk bukti 2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [PETIKAN MINIT PENGURUSAN BIL 7.pdf](#)
2. [BUKTI RISIKO 2.pdf](#)

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Persekutuan kerja yang kondusif adalah penting dalam memastikan hasil kerja yang efektif dan efisien. Bagi memastikan persekitaran kerja warga FSPPP adalah kondusif, berikut merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak Fakulti:

- a) Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)** Setiap warga FSPPP didedahkan dengan kepentingan EKSA bagi memperkuatkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif. Melalui amalan EKSA ini, ia mampu membantu meningkatkan imej fakulti, mengekalkan idea kreatif dikalangan warga FSPPP, serta meningkatkan mutu produktiviti setiap staf. Bukti pelaksanaan EKSA adalah seperti di ruang bukti 1.
- b) Sokongan kewangan untuk penyelidikan dan penerbitan** - Dalam menyokong penglibatan lebih ramai warga akademik FSPPP dalam bidang penerbitan, Pengurusan fakulti bersetuju untuk memberikan insentif kewangan kepada pensyarah FSPPP yang terlibat dalam penerbitan. (*Minit Mesyuarat Pengurusan Fakulti bilangan 13/2020*) - rujuk di ruang bukti 2
- c) Aktiviti kerohanian** - FSPPP turut memberikan tumpuan dalam aspek pembangunan kerohanian staf dengan pengajuran program ceramah agama pada 6 November 2020 anjuran bersama Unit Hal Ehwal Islam, Pejabat ICAEN FSPPP dan persatuan alumni FSPPP (ASPAA) - (rujuk ruang bukti 3)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [BUKTI EKSA.pdf](#)
2. [BUKTI REWARD.pdf](#)
3. [BUKTI KEROHANIAN.pdf](#)

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

### **a) Inovasi**

Galakan Pengurusan Tertinggi FSPPP yang menyokong budaya inovasi di kalangan warganya telah memberikan manfaat yang menyeluruh kepada semua pihak. Penyertaan para warga Fakulti terutamanya warga akademik di dalam pertandingan *Invention, Innovation and Design (IID)* samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa merupakan antara aktiviti yang mampu meningkatkan kemahiran sumber manusia terutamanya para pensyarah dalam menghasilkan inovasi yang bersesuaian dengan bidang tumpuan. Hasil penyertaan warga FSPPP dalam bidang inovasi ini telah membawa pelbagai kejayaan yang membanggakan. Senarai nama dan pencapaian staf FSPPP dalam inovasi ini boleh dirujuk dalam *ruang bukti 1*.

### **b. Penghargaan dan pengiktirafan sumber manusia**

Pengurusan Tertinggi FSPPP amat menghargai setiap jasa dan sumbangan yang diberikan oleh setiap warga kerjanya. Sehubungan dengan itu, mekanisme seperti berikut digunakan oleh fakulti untuk menghargai usaha dan sumbangan setiap warganya:

**(i) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** - Staf yang layak dan menunjukkan prestasi yang cemerlang akan diberikan pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Dengan cara ini, iaanya dapat meningkatkan motivasi staf untuk lebih komited dalam menjalankan amanah yang diberikan. Tujuh (7) orang staf FSPPP telah menerima APC bagi tahun 2019 seperti di *ruang bukti 2*.

#### **(ii) Kenaikan pangkat**

Warga fakulti yang telah layak memohon untuk kenaikan pangkat akan diperakucas oleh pihak Pengurusan Tertinggi FSPPP. Peluang kenaikan pangkat ini akan meningkatkan tahap prestasi serta motivasi kerja staf yang efisien serta penghasilan produktiviti yang lebih berkualiti. Seramai lapan (8) orang staf FSPPP telah dinaikkan pangkat sepanjang tahun 2019 sehingga 2020 seperti di *ruang bukti 3*.

#### **(iii) Pemberian Insentif Hasil Penerbitan**

Pengurusan FSPPP turut memberikan insentif kepada warga fakulti yang berjaya membuat penerbitan di dalam jurnal yang berimpak atau di dalam persidangan yang dihadiri. Insentif ini adalah diberikan bagi meningkatkan lagi semangat warga untuk terus menerbitkan penerbitan yang berilmiah dan menjalankan kajian. Senarai penerima insentif ini adalah seperti di *ruang bukti 4*.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [inovas staf.pdf](#)
2. [penerima APC.pdf](#)
3. [KENAIKAN PANGKAT.pdf](#)
4. [INSENTIF PENERBITAN.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan FSPPP didalam meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan pada 2019 bermula dengan penawaran geran dalaman. Geran dalaman ini bertujuan sebagai pemangkin kepada usaha penyelidikan di FSPPP. Ini kerana memohon geran yang lebih besar seperti FRGS memerlukan persediaan yang lebih komprehensif dan mungkin menghalang pensyarah dari memohon akibat tidak kecukupan masa di dalam penyediaan kertas cadangan penyelidikan. Oleh yang demikian, geran dalaman yang ditawarkan dengan nilai yang lebih rendah dilihat sebagai satu usaha membiasakan para pensyarah FSPPP kepada persediaan lebih rapi didalam memohon geran yang lebih besar.

Selain dari itu, FSPPP telah memperkenalkan ‘Publication Rewards’ pada tahun 2020 dengan tujuan menggalakkan minat para pensyarah untuk terus menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi. Ia juga sebagai tanda penghargaan FSPPP terhadap usaha keras pensyarah didalam menghasilkan penulisan yang baik dan bermutu. Terdapat beberapa kategori penulisan yang telah dikenalpasti seperti penerbitan artikel di jurnal berwajit seperti Web Of Science (WOS), SCOPUS, MyCITE, jurnal tidak berwajit, prosiding dan juga penerbitan buku dan penulisan bab dalam buku.

FSPPP menawarkan geran dalaman fakulti untuk tahun 2019 kepada ketua pusat pengajian FSPPP dengan mensasarkan penjanaan data berkaitan dengan halaju karier alumni FSPPP. Sebanyak RM15,000 diperuntukkan untuk tiga (3) geran dalaman berjumlah RM5000 untuk setiap geran.

FSPPP meneruskan penawaran geran dalaman fakulti untuk tahun 2020 dengan dua jenis geran ditawarkan iaitu geran penyelidikan dalaman FSPPP (FIRG) berjumlah RM5000 & geran penyelidikan kolaborasi FSPPP (FRCG) berjumlah RM 10,000. Geran FIRG adalah mensasarkan kerjasama bersama universiti tempatan dan industri tempatan manakala FRGC mensasarkan kerjasama bersama universiti luar negara.

#### **Pemantauan**

Pemantauan terhadap usaha penyelidikan dan penerbitan dikalangan pensyarah FSPPP dibuat melalui peringatan semasa yang dikeluarkan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI). TDPJI dibantu oleh Koordinator Penyelidikan Fakulti di dalam membimbing pensyarah dari segi penyediaan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan dan juga prosedur permohonan geran. Selain dari itu, pemantauan kemajuan pensyarah yang menghasilkan penyelidikan juga dibuat melalui maklumat penerbitan pensyarah yang dimuatnaik ke dalam sistem PRISMA sepanjang tahun 2019 dan 2020.

#### **Tindakan penambahbaikan**

FSPPP telah mengambil inisiatif mengenalpasti senarai pensyarah yang layak untuk mendapat ‘FSPPP Publication Rewards’ pada tahun 2020 seperti yang telah ditetapkan oleh fakulti. Seramai lapan (8) permohonan telah berjaya mendapat imbuhan mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh FSPPP. senarai penerima adalah seperti dilampirkan

FSPPP meneruskan usaha menggiatkan penyelidikan dengan menawarkan geran dalaman fakulti untuk tahun 2020. Penawaran dibuat melalui dua (2) jenis geran iaitu geran penyelidikan dalaman FSPPP (FIRG) dan geran penyelidikan kolaborasi FSPPP (FRCG). Sebanyak 16 permohonan geran telah diluluskan oleh FSPPP, sembilan (9) berjaya mendapatkan FIRG dan lapan (8) berjaya didalam permohonan geran FRGC.

Penambahbaikan telah dilaksanakan dari geran dalaman 2019 yang hanya ditawarkan pada ketua pusat pengajian sahaja manakala geran dalaman 2020 dibuka kepada warga fakulti dan

menggalakkan penyelidikan bersama rakan penyelidik luar universiti dan rakan penyelidik dari industri berkaitan.

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Penyelidikan dan penghasilan penerbitan yang berimpak tinggi merupakan tumpuan utama Universiti Teknologi MARA (UiTM), sehubungan dengan itu, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) telah mengenal pasti dan menggariskan 6 operasi utama dalam usaha kearah penyelidikan dan penghasilan penerbitan berimpak tinggi yang direncanakan oleh FSPPP. Perancangan operasi yang telah digariskan adalah berdasarkan penilaian risiko yang telah dikenalpasti kearah menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi. Hasil dari perbincangan di peringkat fakulti, antara isu utama yang menjadi halangan adalah seperti kekurangan hasil penulisan dan penerbitan, kekurangan geran penyelidikan dan kekurangan penyertaan dalam pertandingan inovasi. Sehubungan dengan itu, beberapa operasi dan inovasi telah digariskan dan telah dilaksanakan bagi mengatasi risiko-risiko tersebut.

Operasi dan proses utama yang dijalankan bagi menambahbaik bidang penyelidikan dan meningkatkan jumlah penerbitan berimpak tinggi adalah seperti di bawah:

1) Pendekatan jangka pendek yang diambil oleh FSPPP ialah mendapatkan bantuan bagi proses pemantapan dan panduan penghasilan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi. Ini penting bagi meningkatkan ketampakan FSPPP di dalam menyumbang kepakaran dalam bidang kekuatan fakulti. Oleh itu, dua (2) bengkel telah diadakan secara maya iaitu Bengkel Pemantapan penulisan artikel berimpak tinggi oleh Lt. Colonel Profesor Ts. Dr Norazah Mohd Suki dari Universiti Utara Malaysia (UUM) mensasarkan penerbitan artikel di jurnal bertaraf Scopus bagi tahun 2020. Sebanyak enam (6) sesi telah diadakan. Bengkel ini telah berjaya menghasilkan tiga (3) artikel diterbitkan di jurnal SCOPUS, satu (1) telah diterima dan belum diterbitkan dan dua (2) masih dalam peringkat penulisan. Hasil bengkel adalah dilampirkan di bukti 1.

Bengkel ‘Systematic Literature Review’ dianjurkan di bawah seliaan Dr. Hayrol Azril Mohamed Shaffril dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sebanyak tujuh (7) sesi bermula dari Disember 2020 hingga Mac 2021. Bengkel ini diteruskan bagi sesi ‘hands on’ dan masih lagi didalam peringkat penulisan berterusan.

- 2) Proses hebahan dan permohonan geran dalaman fakulti (2019 & 2020)
- 3) Proses panduan dan penghantaran geran berimpak tinggi FRGS (2019 & 2020)
- 4) Proses pembiayaan penyertaan inovasi (IIDEX 2019 & 2020 – 1 kontinen – 10 kumpulan)
- 5) Proses pembiayaan konferensi (2019 & 2020)
- 6) Proses penghasilan penerbitan buku (2019 & 2020)

Pelantikan Penyelaras Penerbitan dibuat oleh UiTM Press diperingkat fakulti bertanggungjawab sebagai orang tengah bagi tujuan menyebarkan maklumat UiTM Press dan membantu pensyarah Fakulti di dalam urusan penerbitan buku.

#### Pelaksanaan

Maklumat secara berkala dikongsi bagi menguar-uarkan kempen penerbitan buku terutamanya penerbitan buku teks, manual dan buku kerja bagi kod-kod kursus yang ditawarkan oleh Fakulti. Bagi menggalakkan pensyarah menerbitkan buku ilmiah, beberapa siri webinar telah dijalankan oleh Unit Penerbitan, RICAEN FSPPP bagi berkongsi maklumat dan pengalaman penulis buku UiTM.

#### Pemantauan

Ketua penulis menyediakan Gantt Chart bagi proses penerbitan buku dan akan menyelaras kerja-kerja penulis dan berhubung dengan Penyelaras Penerbitan bagi urusan prosedur penerbitan UiTM Press.

#### Tindakan

Setakat ini FSPPP mempunyai satu (1) manuskrip buku teks dan empat (4) manuskrip yang berada di pelbagai peringkat proses penerbitan dan dijangka dapat diterbitkan pada penghujung tahun 2021 dan pertengahan tahun 2022.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [POSTER PROF NORAZAH.pdf](#)
2. [POSTER SLR DR HAYROL.pdf](#)
3. [PPSM 2019.pdf](#)
4. [PPSM 2020.pdf](#)
5. [TAKWIM FRCG 2020.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Perancangan**

Sebarang usaha yang dibuat oleh FSPPP bagi meningkatkan usaha penyelidikan dan penerbitan akan dirancang, dibincangkan dan dipersetujui melalui mesyuarat pengurusan fakulti. Ini bagi mendapatkan buah fikiran yang bernalas bagi mensasarkan cara yang lebih berkesan di dalam meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi dikalangan pensyarah FSPPP. FSPPP percaya ini adalah cari yang terbaik didalam memperkasa usaha fakulti terhadap penyelidikan dan penerbitan.

#### **Pelaksanaan**

FSPPP telah membuka peluang kepada warga fakulti dengan menawarkan geran dalaman fakulti untuk tahun 2019 dan 2020. Ini adalah usaha FSPPP di dalam meningkatkan penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi di kalangan pensyarah. Pemakluman mengenai geran dalaman dibuat melalui mesyuarat akademik fakulti, platform Whatsapp rasmi FSPPP dan juga melalui emel.

#### **Pemantauan**

Pengumuman awal dibuat oleh RICAEN, FSPPP bagi menguar-uarkan penawaran geran dalaman dibuat di platform Whatsapp rasmi FSPPP. Ia diikuti dengan emel rasmi fakulti. Peringatan dari masa ke semasa dibuat oleh RICAEN, FSPPP bagi meningkatkan kepekaan pensyarah terhadap penawaran geran dalaman dan tarikh tutup penghantaran permohonan geran tersebut. Selain dari itu, proses mengenalpasti penerbitan penyelidikan dan penghasilan penerbitan berimpak tinggi juga dibuat melalui sistem PRISMA 2019 dan 2020.

#### **Tindakan**

Bagi merealisasikan penghasilan penulisan berimpak tinggi, penganjuran pelbagai bengkel dan webinar telah dibuat oleh FSPPP. Ini bagi memastikan pensyarah yang terlibat dalam penyelidikan dan penerbitan mendapat panduan dari pakar bidang. Dengan bimbingan pakar melalui bengkel dan webinar, ia dapat meningkatkan motivasi warga fakulti di dalam usaha mereka membuat penyelidikan dan seterusnya menerbitkan hasil penyelidikan di jurnal berimpak tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [PENGURUSAN KHAS DEC 2020.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dengan penganjuran webinar dan bengkel serta penawaran geran dalaman dah imbuhan pada 2019 dan 2020, penghasilan penyelidikan dan penerbitan dijangka akan meningkat pada tahun berikutnya. Ini kerana pensyarah telah diberikan landasan permulaan sebagai persediaan memohon geran yang lebih besar dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi. Galakan yang berterusan melalui sokongan bengkel, webinar dan imbuhan ini diyakini dapat mengekalkan momentum penyelidikan dan penerbitan dikalangan pensyarah FSPPP. Disamping itu, peringatan mengenai pengemaskinian data dalam sistem PRISMA dapat meningkatkan lagi jumlah penghasilan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi yang telah dijalankan oleh pensyarah. (Rujuk Bukti 1, 2 dan 3).

Pengemaskinian hasil penyelidikan dan penerbitan yang melalui PRISMA membolehkan pensyarah merujuk kepada data terkini dalam bidang kepakaran yang telah dijalankan penyelidikan. Selain dari itu, FSPPP juga berkongsi pencapaian pensyarah dalam penerbitan penyelidikan dan penglibatan inovasi melalui poster ucapan tahniah oleh unit korporat FSPPP yang dikongsi di platform Whatsapp rasmi FSPPP. Ini membantu memangkin motivasi di kalangan seluruh warga FSPPP untuk turut serta menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti \(1\) 6.4.1. Pub rewards 2.pdf](#)
2. [Bukti \(2\) 6.4.1 Penerima Geran Dalaman.pdf](#)
3. [Bukti \(3\) 6.4.1 Penerima Insentif Penerbitan.pdf](#)

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pertukaran pegawai yang memegang jawatan (PIC) boleh mengganggu kelancaran perancangan FSPPP yang telah direncanakan untuk pencapaian FSPPP. Setiap lantikan pegawai yang bertugas adalah untuk tempoh dua (2) tahun dan setiap pertukaran akan sedikit sebanyak mengganggu kelancaran perancangan yang telah ada. Ini kerana PIC yang baru akan mengambil masa bagi membiasakan diri dengan maklumat, prosedur dan dokumen-dokumen berkaitan dengan tugas baru.

Carta organisasi perubahan pegawai adalah dirujuk melalui **bukti 1**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 6.4.2 Carta.pdf](#)

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPPP telah mengenalpasti punca kekurangan dalam usaha penyelidikan dan penerbitan secara rasmi melalui mesyuarat akademik dan perbincangan tidak rasmi bersama pensyarah. Hasil dari perbincangan tersebut, FSPPP telah menganjurkan bengkel dan webinar yang diperlukan oleh pensyarah. Usaha yang dibuat ini dapat mengatasi kekurangan sokongan di dalam menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi di kalangan pensyarah. Beberapa bengkel dan webinar yang berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan telah dijalankan oleh FSPPP pada tahun 2019 dan 2020 seperti yang disenaraikan di **bukti 1**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 6.4.3 Bengkel Webinar 2.pdf](#)

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penawaran geran dalaman 2019 bermula dengan tawaran terus kepada Ketua Pusat Pengajian (KPP) bagi tujuan mendapatkan data berkaitan dengan pelajar yang telah bergraduat dari semua program yang ditawarkan oleh FSPPP. Ini adalah salah satu usaha penting dimana maklumat mengenai pergerakan pelajar selepas bergraduat dapat memberi indikasi terhadap keberkesanan pembelajaran dan pengajaran di FSPPP khasnya dan UiTM umumnya.

Selanjutnya penambahbaikan telah dibuat ke atas struktur geran dalaman bagi tahun 2020. Geran dalaman 2020 yang telah dibahagi kepada dua iaitu FIRG dan FRGC yang ditawarkan kepada semua semua pensyarah. FIRG diwujudkan bagi menggalakkan kerjasama diantara FSPPP dan organisasi tempatan. Manakala, FRGC diwujudkan bagi menggalakkan kerjasama diantara FSPPP dan organisasi antarabangsa. Sebanyak 16 geran dalaman telah ditawarkan untuk tahun 2021. Ini menjadi indikator positif kepada usaha FSPPP didalam menggalakkan usaha penyelidikan dan penerbitan dikalangan pensyarah. Geran dalaman yang telah ditawarkan untuk tahun 2021 adalah 7 geran FRCG dan 9 geran FIRG seperti dilampirkan di **bukti 1**.

'FSPPP Publication Reward' yang bermula tahun 2020 dilihat mampu memberikan motivasi kepada para pensyarah didalam usaha meningkatkan penyelidikan dan penerbitan. Oleh itu, program ganjaran ini diteruskan untuk tahun 2021 dengan sedikit penambah baikan demi memastikan hanya penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi dihasilkan oleh pensyarah. Sedikit perubahan dibuat keatas terma ganjaran dimana tiada lagi ganjaran diberikan kepada penerbitan penyelidikan di dalam prosiding konferensi untuk tahun 2021. Tumpuan utama FSPPP hanya kepada penerbitan yang berimpak tinggi sahaja mulai 2021.

Penawaran ganjaran bagi penerbitan artikel diberi mengikut kategori artikel SCOPUS atau WOS. Ganjaran juga dikategorikan mengikut Quartile artikel diterima. Q1 bagi SCOPUS ialah RM700, Q2 ialah RM500, Q3 ialah RM400 dan Q4 ialah RM300. Manakala artikel diterbitkan di WOS, Q1 ialah RM1000, Q2 ialah RM800, Q3 ialah RM600 dan Q4 ialah RM400. Bagi artikel Non Q SCOPUS, WOS atau ERA, nilai ganjaran ialah RM250 manakala artikel diterbit didalam jurnal berwasit MY Cite ialah RM200 dan jurnal tidak berwasit dan prosiding ialah RM 100. Penawaran ganjaran juga dibuat bagi penerbitan buku dimana buku penerbitan dikategorikan kepada buku terbitan antarabangsa dengan nilai RM1000, buku terbitan nasional ialah RM600 dan bab dalam buku ialah RM100.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [PENGURUSAN KHAS DEC 2020.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 1: Perancangan Strategik

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dokumen pelan Perancangan Strategik telah dirangka bagi tujuan menetapkan halatuju yang hendak dicapai di masa akan datang. Diperingkat fakulti, perancangan dibuat secara inklusif dimana peranan dan tanggungjawab semua pihak diambil kira bagi memastikan FSPPP dapat memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan manusia yang berilmu yang boleh memberi sumbangan kepada negara. Agenda yang dirancang juga sejajar dengan Visi dan Misi UiTM seterusnya memenuhi keperluan matlamat Pendidikan negara. FSPPP telah merangka Perancangan Strategik FSPPP 2016-2020 yang menjadi teras utama untuk mencapai halatuju yang disasarkan. Bagi tujuan ini beberapa siri bengkel dan mesyuarat yang telah melibatkan Pengurusan Kanan fakulti telah diadakan bagi merangka intipati Perancangan Strategik yang akan dilaksanakan.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan ahli jawatankuasanya telah melaksana pelbagai bentuk inisiatif strategik bagi memperkuuh bidang penyelidikan dan penerbitan fakulti. Pengajuran seminar/webinar dan bengkel berkaitan penyelidikan dan penerbitan yang melibatkan penceramah luar dan dalam fakulti, mempromosi Jurnal Administrative Science, mencari peluang mendapatkan geran luar menerusi kerjasama strategik adalah diantara merupakan inisiatif utama fakulti bagi menggerakkan bidang tumpuan ini.

Pengurusan Kanan FSPPP telah mengenalpasti mekanisme tertentu seperti Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan audit dalaman untuk memantau setiap inisiatif strategik yang sedang dilaksanakan. Pemantauan secara berkala dan berterusan amat penting untuk mengenalpasti masalah-masalah yang timbul dan mengurangkan risiko sedia ada bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Bagi meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan, FSPPP telah mengambil tindakan sewajarnya setiap maklum balas dan aduan yang diterima daripada staf, pelajar mahu pun pihak luar yang berkepentingan. Sebagai contoh, Objektif Kualiti FSPPP telah disemak semula pada tahun 2020 untuk pelaksanaan jangka masa pendek bagi memenuhi kehendak dan situasi semasa fakulti dan universiti.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.1.2 tahap P STRATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.1.3 tren P STRATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.1.4 perbandingan P STRATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.1.5 kepentingan P STRATEGIK.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama 2: Tumpuan Kepada Sumber Manusia

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah aspek penting yang perlu dititikberatkan selari dengan objektif kualiti fakulti serta hasrat UiTM untuk mejayakan bidang ini. Bagi menjayakan bidang tumpuan yang telah direncanakan, penglibatan sumber manusia secara optimum merupakan salah satu aspek yang diberi perhatian oleh FSPPP. Sumber manusia FSPPP yang disokong oleh staf akademik serta bukan akademik digerakkan untuk bersama berganding bahu bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Dalam konteks ini, pengurusan tertinggi FSPPP telah merangka Pelan Perancangan Strategik yang jelas untuk memacu kejayaan fakulti. Bahagian ICAEN diberi tanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirangka dengan kerjasama bahagian dan unit lain berkaitan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan ini dipantau dan dilaporkan hasil pencapaianya dalam mesyuarat utama fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Akademik untuk mengenalpasti masalah serta cadangan penambahbaikan yang sesuai untuk diambil. Hasil maklumbalas yang diperolehi daripada pelanggan, staf serta keputusan mesyuarat akan diambil serius untuk proses penambahbaikan dalam memastikan FSPPP sentiasa maju dan komited untuk memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam bidang tumpuan pilihan.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.2.2 tahap S MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.2.3 tren S MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.2.4 perbandingan S MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.2.5 kepentingan S MANUSIA.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 3: Tumpuan Kepada Operasi

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan FSPPP didalam meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan pada 2019 bermula dengan penawaran geran dalaman. Geran dalaman ini bertujuan sebagai pemangkin kepada usaha penyelidikan di FSPPP. Ini kerana memohon geran yang lebih besar seperti FRGS memerlukan persediaan yang lebih komprehensif dan mungkin menghalang pensyarah dari memohon akibat tidak kecukupan masa di dalam penyediaan kertas cadangan penyelidikan. Oleh yang demikian, geran dalaman yang ditawarkan dengan nilai yang lebih rendah dilihat sebagai satu usaha membiasakan para pensyarah FSPPP kepada persediaan lebih rapi didalam memohon geran yang lebih besar.

Selain dari itu, FSPPP telah memperkenalkan ‘Publication Rewards’ pada tahun 2020 dengan tujuan menggalakkan minat para pensyarah untuk terus menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi. Ia juga sebagai tanda penghargaan FSPPP terhadap usaha keras pensyarah didalam menghasilkan penulisan yang baik dan bermutu. Terdapat beberapa kategori penulisan yang telah dikenalpasti seperti penerbitan artikel di jurnal berwasit seperti Web Of Science (WOS), SCOPUS, MyCITE, jurnal tidak berwasit, prosiding dan juga penerbitan buku dan penulisan bab dalam buku.

FSPPP menawarkan geran dalaman fakulti untuk tahun 2019 kepada ketua pusat pengajian FSPPP dengan mensasarkan penjanaan data berkaitan dengan halatuju karier alumni FSPPP. Sebanyak RM15,000 diperuntukkan untuk tiga (3) geran dalaman berjumlah RM5000 untuk setiap geran.

FSPPP meneruskan penawaran geran dalaman fakulti untuk tahun 2020 dengan dua jenis geran ditawarkan iaitu geran penyelidikan dalaman FSPPP (FIRG) berjumlah RM5000 & geran penyelidikan kolaborasi FSPPP (FRCG) berjumlah RM 10,000. Geran FIRG adalah mensasarkan kerjasama bersama universiti tempatan dan industri tempatan manakala FRGC mensasarkan kerjasama bersama universiti luar negara.

Pemantauan terhadap usaha penyelidikan dan penerbitan dikalangan pensyarah FSPPP dibuat melalui peringatan semasa yang dikeluarkan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI). TDPJI dibantu oleh Koordinator Penyelidikan Fakulti di dalam membimbing pensyarah dari segi penyediaan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan dan juga prosedur permohonan geran. Selain dari itu, pemantauan kemajuan pensyarah yang menghasilkan penyelidikan juga dibuat melalui maklumat penerbitan pensyarah yang dimuatnaik ke dalam sistem PRISMA sepanjang tahun 2019 dan 2020.

FSPPP telah mengambil inisiatif mengenalpasti senarai pensyarah yang layak untuk mendapat ‘FSPPP Publication Rewards’ pada tahun 2020 seperti yang telah ditetapkan oleh fakulti. Seramai lapan (8) permohonan telah berjaya mendapat imbuhan mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh FSPPP. senarai penerima adalah seperti dilampiran

FSPPP meneruskan usaha menggiatkan penyelidikan dengan menawarkan geran dalaman fakulti untuk tahun 2020. Penawaran dibuat melalui dua (2) jenis geran iaitu geran penyelidikan dalaman FSPPP (FIRG) dan geran penyelidikan kolaborasi FSPPP (FRCG). Sebanyak 16 permohonan geran telah diluluskan oleh FSPPP, sembilan (9) berjaya mendapatkan FIRG dan lapan (8) berjaya didalam permohonan geran FRGC.

Penambahbaikan telah dilaksanakan dari geran dalaman 2019 yang hanya ditawarkan pada ketua pusat pengajian sahaja manakala geran dalaman 2020 dibuka kepada warga fakulti dan menggalakkan penyelidikan bersama rakan penyelidik luar universiti dan rakan penyelidik dari

industri berkaitan.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.3.2 tahap PROSES.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.3.3 tren PROSES.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.3.4 perbandingan PROSES.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.3.5 kepentingan PROSES.pdf](#)